

Miliki rokok dan arak tanpa cukai, dua beradik didenda

SIBU: Dua beradik masing-masing dijatuhi hukuman denda RM500 atau penjara dua minggu oleh Mahkamah Majistret Sibu, semalam setelah disabitkan atas pertuduhan memiliki pelbagai jenis rokok dan minuman keras yang dipercayai diperolehi secara tidak sah.

Ting Ping Nan, 40, dan Ting Ping Kang, 50, yang terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan, dijatuhi hukuman itu setelah didakwa secara berasingan di hadapan Majistret Romario Jonoi.

Mengikut pertuduhan, Ping Nan didakwa memiliki sejumlah rokok dan minuman keras yang dipercayai diperolehi secara tidak sah

di sebuah pasar mini di Jalan Permai Utara pada 1 September 2025, jam lebih kurang 12.30 petang.

Sementara Ping Kang didakwa melakukan kesalahan sama di sebuah premis di Jalan Permai Barat 1 pada 1 September 2025, jam lebih kurang 12.30 petang.

Sehubungan itu, kedua-dua mereka didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan Kecil Sarawak 1958 dan dihukum di bawah seksyen sama, yang memperuntukan hukuman penjara sehingga tiga bulan dan denda sehingga RM500.

Berdasarkan fakta kes, anggota bahagian risikan Batalion 10 Pasukan Gerakan

Am Sibu telah membuat serbuan serentak ke atas dua premis di Taman Permai yang disyaki menjadi tempat menyimpan serta menjual rokok dan minuman keras tidak bercukai.

Dalam serbuan itu, pihak penguatkuasa telah menjumpai sejumlah rokok dan minuman keras di kedua-dua premis serta di dalam dua buah kenderaan.

Kedua-dua tertuduh juga gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit bagi pemilikan barangan tersebut.

Pendakwaan kes dikenalalaskan oleh Timbalan Pendakwa Raya Keshava Rao Tharma Raja, sementara kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.